

## Beri lampu hijau ke luar negara

**Kuala Lumpur:** Kerajaan bersetuju membenarkan rakyat Malaysia melakukan perjalanan ke luar negara tanpa melalui #MyTravelPass Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), berkuat kuasa hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, keputusan itu bagi menghubungkan ahli keluarga dan pasangan yang terpisah, rakyat Malaysia yang ke luar negara bagi tujuan bekerja dan mereka yang menjalankan urusan perniagaan.

Bagaimanapun, katanya, kebenaran itu tertakluk kepada individu yang lengkap vaksinasi Covid-19 dan perlu menjalani kuarantin wajib sebaik pulang ke tanah air.

"Bagi mereka yang belum divaksin, segeralah berbuat demikian. Ini kerana banyak kelonggaran yang diumumkan seperti merentas negeri, melancong dalam dan luar negara, *dine-in* (makan di dalam restoran) dan sebagainya, bergantung kepada syarat lengkap vaksinasi.

"Vaksin mengurangkan risiko jangkitan, mencegah daripada mendapat jangkitan yang lebih teruk, mengurangkan risiko kematian akibat Covid-19 serta mengurangkan beban sistem kesihatan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media khas yang disiarkan secara langsung menerusi stesen televisyen dan platform media

sosial Facebook, semalam.

Ismail Sabri berkata, data terkini oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menunjukkan bahawa vaksinasi berjaya menurunkan kadar kemasukan pesakit Covid-19 ke unit rawatan rapi (ICU) sebanyak 83 peratus dan kadar kematian sebanyak 88 peratus.

Mengulas lanjut, beliau berkata, rakyat kini memikul tanggungjawab besar untuk mejayakan usaha memastikan proses peralihan negara ke fasa endemik melalui pengukuhan tindakan kesihatan awam sendiri melalui amalan TRIIS (Uji, Lapor, Kuarantin, Maklum, Rawat).

"Rakyat perlu melakukan ujian pengesanan Covid-19 secara sendiri sekiranya alami gejala jangkitan dan laporkan keputusan ujian secepat mungkin di MySejahtera.

"Seterusnya lakukan kuarantin dengan penuh disiplin sekiranya positif Covid-19 supaya tidak bahayakan orang sekeliling, segera maklum kepada kontak rapat dan laporkan juga semua kontak rapat melalui pautan di dalam MySejahtera.

"Maklumkan juga kepada Pusat Penilaian Covid-19 (CAC) berhampiran sekiranya situasi kesihatan diri semakin merosot semasa menjalani kuarantin di rumah dan dapatkan rawatan segera di pusat perubatan atau CAC berhampiran sekiranya alami gejala berat," katanya.



RAKYAT Malaysia lengkap vaksinasi boleh melakukan perjalanan ke luar negara tanpa melalui #MyTravelPass JIM.